

## TAHAP KESEDIAAN DAN MOTIVASI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

### [LEVEL OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' READINESS AND MOTIVATION TOWARDS ONLINE TEACHING AND LEARNING]

NORHANNAN RAMLI<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: norhannanramli@gmail.com

---

Received: 25 January 2022

Accepted: 14 February 2022

Published: 22 February 2022

---

**Abstrak:** Pengajaran dan pembelajaran atas talian telah memberi cabaran baru buat guru-guru terutamanya semasa pandemik COVID-19 melanda negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa pandemik COVID-19. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Responden kajian terdiri daripada 85 orang guru Pendidikan Islam di sekolah rendah kategori luar bandar dan pedalaman di daerah Semporna, Sabah. Kajian ini menggunakan soal selidik skala Likert lima mata sebagai instrumen pengumpulan data. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25 melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berada pada tahap yang tinggi. Dapatan juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan jantina. Namun, bagi tahap motivasi guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Di samping itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian ini memberi maklumat kepada pihak-pihak berkaitan pendidikan dalam memperkasakan lagi sistem pendidikan terutamanya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran atas talian.

**Kata kunci:** Kesediaan guru, motivasi guru, guru Pendidikan Islam, pengajaran atas talian.

**Abstract:** Online teaching and learning has presented new challenges for teachers especially during the COVID-19 pandemic. This study aims to identify the level of Islamic Education teachers' readiness and motivation towards online teaching and learning during the implementation of home-based learning at the time of COVID-19 pandemic. This study is a quantitative study in the form of a survey study. The respondents of this study consisted of 85 Islamic Education teachers in rural and remote schools in Semporna, Sabah. This study used a 5-point Likert scale questionnaire as a data collection instrument. The data then were analyzed using *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 25 involving descriptive and inferential analysis. The results indicated that the level of readiness and motivation of Islamic Education teachers towards online teaching and learning is at high level. It also found that there is a significant difference in the level of Islamic Education teachers' readiness towards online teaching and learning based on gender. However, for teachers' motivation towards online teaching and learning based on gender is same. Besides, there is a significant difference in the level of Islamic Education teachers' readiness towards online teaching and learning based on teaching experience. This study

provides information to education-related parties in further improving the education system, especially related to online teaching and learning.

**Keywords:** teachers' readiness, teachers' motivation, Islamic Education teachers, online learning.

**Cite This Article:**

Norhannan Ramli & Hafizah Zulkifli. 2022. Tahap Kesiediaan dan Motivasi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran atas Talian [Level of Islamic Education Teachers' Readiness and Motivation Towards Online Teaching and Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 16-30.

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dunia global hari ini telah mengubah landskap pendidikan terutamanya dalam corak pengajaran guru. Pelbagai kaedah pengajaran mula diperkenalkan bagi menyokong perkembangan teknologi ini. Antaranya ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian. PdP atas talian adalah satu pengalaman pembelajaran yang menggunakan teknologi digital dan mempunyai akses kepada internet untuk menghubungkan guru dan murid yang tidak dapat bersemuka di dalam kelas (Juwairiyah Mustapah & Roslinda Rosli, 2021) sama ada melalui pelantar pembelajaran, aplikasi *online*, e-Permainan, rakaman atau tugas dalam talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

PdP atas talian membolehkan proses pembelajaran dilaksanakan tanpa mengira jarak dan masa. PdP atas talian bukanlah sesuatu yang baharu dalam dunia pendidikan, namun sejak berlakunya pandemik COVID-19 di seluruh dunia, PdP atas talian menjadi satu wadah penting dalam proses penyampaian dan penerimaan ilmu pengetahuan di setiap institusi pendidikan termasuklah di sekolah. Hal ini kerana semua institusi pendidikan ditutup bagi mengekang penyebaran wabak ini dalam kalangan pendidik dan pelajar.

Di Malaysia, PdP secara atas talian telah menjadi kaedah utama dalam penyampaian ilmu kepada murid setelah pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebanyak 64 peratus PdP dijalankan secara atas talian berbanding PdP luar talian semasa pelaksanaan PdPR (Sinar Harian, 2020).

Pelaksanaan PdP atas talian ini bukan sahaja memudahkan pengajaran guru malah ia memberi kesan positif terhadap sikap guru. Guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menyampaikan pengajaran mereka kepada murid (Siti Aisyah Ibrahim, 2021). Pelbagai platform dan aplikasi diteroka dan digunakan oleh guru seperti *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Zoom*, *Youtube*, *Kahoot* dan sebagainya bagi menarik minat murid dan memastikan ilmu yang disampaikan dapat difahami oleh murid (Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari 2021).

## PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran dan pembelajaran atas talian telah memberi cabaran baru buat guru-guru terutamanya semasa pandemik COVID-19 melanda negara. Cabaran-cabaran ini telah memberi kesan terhadap kesiediaan dan motivasi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny dan Nazarius G. Yulip (2020) mendapati kesiediaan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian adalah pada tahap

kurang memuaskan di mana hanya 24 peratus guru di daerah Ranau, Sabah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sepenuhnya semasa PdPR. Peratusan yang sedikit ini adalah kerana guru-guru berasa sukar membimbing murid secara atas talian berbanding secara bersemuka.

Seterusnya, dapatan lain menunjukkan guru-guru yang mengajar di sekolah luar bandar dan pedalaman menghadapi kesukaran dalam melaksanakan PdP atas talian kerana terdapat murid-murid yang tinggal di kawasan pulau dan ladang tidak mempunyai capaian internet dan tidak mempunyai kemudahan teknologi seperti telefon bimbit atau komputer untuk berhubung dengan guru-guru (Kementerian Sumber Manusia, 2020). Menurut seorang guru di daerah Semporna, Sabah, ada dalam kalangan muridnya yang tinggal di ladang mengambil masa selama tiga hingga ke empat hari bagi menyiapkan dan menghantar tugas yang dihantar melalui rakan sekelas yang tinggal berhampiran dengannya (Sinar Harian, 2020). Masalah capaian internet ini memberi kesan kepada penglibatan murid dalam pembelajaran atas talian dan hal ini sekali gus mengurangkan motivasi guru yang mengajar kerana guru tidak mendapat maklum balas daripada murid.

Berdasarkan masalah yang dibincangkan, kajian tinjauan terhadap tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian di sekolah rendah luar bandar dan pedalaman daerah Semporna ini dilaksanakan bagi melihat sama ada guru bersedia dan bermotivasi atau tidak terhadap perubahan dalam corak pengajaran dan pembelajaran guru. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan kerana pengkaji mendapati banyak kajian yang dijalankan melihat kepada kesediaan dan motivasi murid terhadap PdP atas talian (Abdul Aziz & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat, 2020; Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd Majid, 2021; Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah, 2021) berbanding kesediaan dan motivasi guru terhadap PdP atas talian. Guru merupakan penggerak kepada pembelajaran murid. Sekiranya guru tidak bersedia dan tidak bermotivasi untuk melaksanakannya, pastinya ia memberi kesan kepada pencapaian murid dalam pembelajaran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenal pasti tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan jantina.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan pengalaman mengajar.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Pengajaran dan pembelajaran atas talian**

Pengajaran dan pembelajaran atas talian adalah satu pengalaman pembelajaran yang menggunakan teknologi digital dan mempunyai akses kepada internet untuk menghubungkan

guru dan murid yang tidak dapat bersemuka di dalam kelas (Juwairiyah Mustapah & Roslinda Rosli, 2021) sama ada melalui pelantar pembelajaran, aplikasi *online*, ePermainan, rakaman atau tugas dalam talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). PdP atas talian membolehkan proses pembelajaran dilaksanakan tanpa mengira jarak dan masa.

Menurut Alamri dan Tyler Wood (2017), PdP atas talian boleh berlaku secara segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*). Pembelajaran segerak adalah pembelajaran yang berlaku secara serentak antara guru dan murid pada masa nyata (*real time*) dan secara interaktif. Pembelajaran segerak membolehkan guru dan murid berinteraksi secara terus di atas talian dan mempunyai kemungkinan untuk mendapat maklum balas dengan segera. Contoh pembelajaran segerak ialah melalui live video conference.

Bagi pembelajaran tidak segerak pula, interaksi yang berlaku dalam talian berlaku secara tidak serentak pada masa yang nyata. Pembelajaran jenis ini lebih bertumpu kepada pembelajaran secara sendiri di mana murid boleh mengakses bahan pembelajaran yang telah disediakan oleh guru mengikut kesesuaian masa sendiri. Pembelajaran secara tidak segerak ini memerlukan tahap kelajuan jalur lebar atau internet yang rendah berbanding pembelajaran secara segerak. Pengajaran dan pembelajaran atas talian secara tidak segerak sesuai dilaksanakan kepada murid luar bandar dan pedalaman (Luqman Arif Abdul Karim, 2020). Hal ini kerana murid-murid di luar bandar dan pedalaman kebanyakannya menghadapi masalah capaian internet (Kementerian Sumber Manusia, 2020). Justeru, dalam kajian ini, PdP atas talian merujuk kepada pembelajaran yang berlaku secara segerak dan tidak segerak.

PdP atas talian dilihat telah memberi ruang dan kemudahan kepada guru untuk meneruskan pembelajaran walaupun tidak bersemuka dengan murid. Selain itu, PdP atas talian telah membuka ruang kepada guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menyampaikan pengajaran mereka kepada murid (Siti Aisyah Ibrahim, 2021). Pelbagai platform dan aplikasi diteroka dan digunakan oleh guru seperti Google Meet, Microsoft Teams, Zoom, Youtube, Kahoot dan sebagainya bagi menarik minat murid dan memastikan ilmu yang disampaikan dapat difahami oleh murid (Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari, 2021).

Namun begitu, PdP atas talian ini telah memberi cabaran baru buat guru. Hal ini kerana guru-guru sudah terbiasa dengan pengajaran dan pembelajaran bersemuka di sekolah. Antara cabaran yang dihadapi oleh guru dalam PdP atas talian ialah penglibatan dan kehadiran murid (Nafisah Hamidon, 2021; Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh, 2021), kemahiran dan kepakaran guru (Azman et al. 2021; Irma Savitri Sadikin, Sri Lestari & Safi Aini, 2020; Losius Goliong et al. 2020), komitmen ibu bapa (Azman Ab Rahman, Nurul Nadia Nozlan, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman & Muhammad Anwar Zakaria, 2020; Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd Faiz Abd Shakor & Afaf Sukari, 2021; Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh, 2021), kekangan capaian internet dan cabaran dalam pentaksiran pencapaian murid (Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma, 2020).

Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PdP atas talian ini memberi kesan kepada emosi dan motivasi guru. Guru berasa tertekan dan kurang motivasi untuk mengajar kerana kekurangan kemudahan internet dan peranti teknologi serta bebanan tugas yang banyak (Ainal Marhaton Abd Ghani, 2021).

Kesimpulannya, pelaksanaan PdP secara atas talian mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya, semua pihak

harus memainkan peranan yang penting. Guru terutamanya haruslah bersedia dan menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran tentang PdP atas talian serta bermotivasi untuk melaksanakannya sepanjang pandemik COVID-19 ini sebagai satu usaha ke arah pembelajaran abad ke-21 dan pembelajaran sepanjang hayat.

### **Kesediaan terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian**

Kesediaan merujuk kepada perihal sedia, kesanggupan atau kerelaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Dalam kajian ini, kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran PdP atas talian menjadi fokus utama kajian.

Terdapat banyak kajian lepas tentang kesediaan dalam PdP atas talian namun tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada kesediaan guru Pendidikan Islam. Nurul Farhana Rerah dan Mohd Faisal Mohamed (2021) mendapati pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian adalah tinggi. Selain itu, Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020) mendapati guru-guru bersedia melaksanakan pembelajaran dalam talian. Kajian menunjukkan majoriti guru memberi pandangan yang positif terhadap pembelajaran atas talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa pandemik Covid-19 walaupun menghadapi cabaran dari segi komunikasi dan komitmen ibu bapa.

Selain itu, Trisna Andarwalan, Taufiq Akbar Al Fajri dan Galieh Damayanti (2021) mendapati guru-guru sekolah rendah di Indonesia tidak bersedia dalam pembelajaran atas talian semasa era pandemik Covid-19. Hal ini kerana guru-guru menghadapi banyak kekangan seperti kurang memahami kandungan pembelajaran (50%), guru tidak mempunyai alat teknologi yang mencukupi (24%), guru kurang beradaptasi dengan teknologi (67.6%), kurang kemampuan untuk membeli data internet (20.4%) dan masalah capaian talian internet (40.4%).

Seterusnya, kajian kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pembelajaran interaktif menggunakan FROG VLE dalam Pendidikan Islam sebagai satu aplikasi pembelajaran atas talian oleh Mohd Faiz Mohd Baharan, Mohd Nor Mamat dan Zawawi Temyati (2021) mendapati tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan FROG VLE adalah tinggi. Walaupun tahap kesediaan guru-guru adalah tinggi namun guru-guru Pendidikan Islam masih kekurangan dari segi kemahiran menggunakan aplikasi FROG VLE di mana tahap kemahiran guru adalah sederhana.

### **Motivasi terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian.**

Motivasi ialah semangat dan dorongan yang kuat pada diri seseorang untuk berusaha atau melakukan sesuatu bagi mencapai kejayaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Motivasi berperanan menggerak dan mendorong seseorang untuk bekerja dengan lebih kuat agar mencapai tujuan kerja tersebut (Hasrudy Tanjung, 2015). Fannidia (2014) dalam Nur Afny et al. (2020) mengatakan jika motivasi kerja seseorang adalah tinggi maka secara positifnya akan meningkatkan komitmen kerja. Ini bermakna jika seseorang mempunyai motivasi yang tinggi maka dia akan menghasilkan sesuatu yang positif baik dari segi tingkah lakunya mahupun pekerjaannya.

Dalam konteks guru, seorang guru yang mempunyai motivasi yang tinggi akan berasa seronok dalam pekerjaannya dan tidak merasa terbeban dengan tugas yang diberi. Hal ini

termasuklah semasa melaksanakan PdP atas talian. Guru yang bermotivasi dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian akan berasa seronok dan cenderung untuk melaksanakan tugas dengan efisien walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Beberapa kajian lepas telah dijalankan untuk melihat motivasi terhadap PdP atas talian. Tatiana Baranova, Aleksandra Kobicheva dan Elena Tokareva (2020) dalam kajian mereka terhadap motivasi dan sikap murid dan guru terhadap pembelajaran atas talian mendapati terdapat *trend* positif dalam motivasi dan sikap guru terhadap pembelajaran atas talian walaupun mereka menghadapi bebanan tugas yang banyak.

Namun, kajian yang dijalankan oleh Rasmitadila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmadtullah, Achmad Samsudin, Ernawan Syaodih, Muhammad Nurtanto dan Anna Riana Suryanti Tambunan, (2020) mendapati guru-guru sekolah rendah di Indonesia tidak bermotivasi dalam PdP atas talian sepanjang pandemik Covid-19. Dapatan temu bual mendapati guru-guru tidak bersemangat dalam PdP atas talian kerana mereka lebih suka kepada pembelajaran secara bersemuka. Pembelajaran bersemuka membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan murid dan dapat membuat tugas bersama secara optimum.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian. Kaedah ini dipilih kerana kaedah ini bersesuaian dengan bilangan responden yang ramai serta mudah dikendalikan. Kajian ini dilaksanakan di daerah Semporna, Sabah kerana majoriti sekolah di daerah ini adalah sekolah luar bandar.

### Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian dalam kajian ini ialah guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah kategori luar bandar dan pedalaman di daerah Semporna, Sabah yang terdiri daripada 106 orang guru. Sebanyak 85 orang guru dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden adalah secara rawak mudah. Bilangan responden ditentukan melalui jadual Krejcie dan Morgan (1970).

### Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik skala Likert lima mata sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik bagi kajian ini berbentuk *Google Form*. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jadual 1 menunjukkan bilangan item soalan dalam soal selidik bagi setiap bahagian.

**Jadual 1:** Bilangan item soal selidik

Bahagian	Bilangan item
A	Maklumat demografi responden (Jantina, jenis sekolah, pengalaman mengajar)
B	Kesediaan guru terhadap pengajaran dan

	pembelajaran atas talian	
	i. Pengetahuan	12
	ii. Kemahiran	10
C	Motivasi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian	10
Jumlah		35

Item soal selidik bagi mengukur kesediaan guru telah diadaptasi daripada kajian Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020), Nurul Asyikin Md Yatim, Chew Fong Peng dan Zuraidah Abdullah (2020), Suzlina Hilwani Baharuddin dan Jamaluddin Badusah (2016), Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman dan Nor Asian Ismail (2021) serta Sylviano Abu Bakar dan Hasmadi Hassan (2019).

Item bagi mengukur motivasi guru pula telah diadaptasi daripada kajian Irma Mahad, Ugartini Magesvaran dan Intan Nur Syuhada Hamzah (2021), Abdul Aziz Ishak dan Aida Zuraida Mir Talaat (2020) serta Norashid Othman dan Hamzah Md Omar (2014). Item-item soalan dalam soal selidik ini diadaptasi mengikut fokus kajian iaitu berkaitan dengan kesediaan dan motivasi kerja guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian.

Kebolehpercayaan soal selidik kajian telah diperoleh berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan. Hasil kajian rintis menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi terhadap item soal selidik iaitu nilai alpha Cronbach 0.973. Item-item soal selidik ini juga telah mendapat kesahan daripada dua orang pakar.

### Prosedur Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data kajian dikumpul melalui borang soal selidik berbentuk *Google Form* yang diedarkan kepada responden. Responden menjawab soal selidik ini melalui *link* yang diberikan dalam group *Whatsapp*. Data responden terus berada dalam pangkalan data penyelidik setelah responden selesai menjawab soal selidik tersebut. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi melalui perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25. Analisis peratus digunakan bagi menginterpretasi maklumat latar belakang responden manakala analisis skor min digunakan bagi mengukur tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian. Interpretasi tahap skor min bagi tahap kesediaan dan motivasi berdasarkan skala oleh Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darusalam (2018) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Interpretasi tahap skor min

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Nur Hawa Janis Abdullah & Ghazali Darusalam (2018)

Selain itu, ujian t sampel tak bersandar digunakan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam dalam PdP atas talian berdasarkan jantina. Bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam PdP atas talian berdasarkan pengalaman mengajar pula, analisis Anova sehala digunakan.

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Jadual 3 menunjukkan dapatan bagi demografi responden. Bagi taburan responden mengikut jantina, sebanyak 15 orang responden (17.6%) adalah terdiri daripada guru lelaki manakala 70 orang responden (82.4%) adalah terdiri daripada guru perempuan. Responden perempuan melebihi 64.8 peratus daripada responden lelaki. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai daripada lelaki.

Dapatan juga menunjukkan 94.1 peratus responden adalah guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah luar bandar. Hanya 5.9 peratus responden sahaja guru Pendidikan Islam daripada sekolah pedalaman.

Seterusnya, dapatan menunjukkan pecahan peratusan responden mengikut tempoh pengalaman mengajar. 27.1 peratus (23 responden) adalah bagi pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun, 42.4 peratus (36 responden) bagi pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun dan 14.1 peratus (12 responden) bagi pengalaman mengajar 11-15 tahun. Bagi pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun dan lebih 20 tahun, masing-masing adalah 8.2 peratus (7 responden). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun adalah paling ramai (42.4%).

Jadual 3 Demografi responden

Kriteria	Kumpulan	N	Peratus
Jantina	Lelaki	15	17.6
	Perempuan	70	82.4
Jenis Sekolah	Luar Bandar	80	94.1
	Pedalaman	5	5.9
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	23	27.1
	6-10 tahun	36	42.4
	11-15 tahun	12	14.1
	16-20 tahun	7	8.2
	20 tahun ke atas	7	8.2



## Tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran

Jadual 4 menunjukkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian. Dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min=4.13, sisihan piawai=0.54). Kesediaan dari aspek pengetahuan (min= 4.28) dan kemahiran (min=3.94) juga berada pada tahap tinggi. Namun, didapati bahawa skor min bagi kesediaan dari aspek pengetahuan lebih tinggi berbanding kesediaan dari aspek kemahiran. Ini bermakna guru-guru Pendidikan Islam mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap PdP atas talian namun kurang kesediaan dari aspek kemahiran.

Jadual 4: Tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian

Tahap	N	Min	Sisihan Piawai
Kesediaan Guru Pendidikan Islam (Pengetahuan)	85	4.28	0.54
Kesediaan Guru Pendidikan Islam (Kemahiran)	85	3.98	0.59
Kesediaan Guru Pendidikan Islam	85	4.13	0.54

Bagi tahap motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian pula, dapatan menunjukkan tahap motivasi guru Pendidikan Islam juga berada pada tahap yang tinggi (min=4.00, sisihan piawai=0.54).

Jadual 5 Tahap motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian

Tahap	N	Min	Sisihan Piawai
Motivasi Guru Pendidikan Islam	85	4.00	0.54

## Perbezaan tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan jantina.

Jadual 6 menunjukkan ujian t sampel tidak bersandar bagi min kesediaan dan motivasi berdasarkan jantina. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan guru Pendidikan Islam lelaki (min=4.40, sisihan piawai=0.54) dengan guru Pendidikan Islam perempuan (min=4.07, sisihan piawai=0.53); ( $t=2.139$ ,  $p=0.035$ ). Darjah perbezaan bagi min kesediaan menunjukkan darjah perbezaan yang kecil ( $eta\ squared > 0.01=0.05$ ).

Bagi motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian pula, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru Pendidikan Islam lelaki (min=4.09, sisihan piawai=0.60) dengan guru Pendidikan Islam perempuan (min=4.00, sisihan

piawai=0.53); ( $t=0.700$ ,  $p=0.486$ ). Dapatan ini menunjukkan motivasi guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 6 Ujian t sampel tidak bersandar bagi kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan jantina

Tahap	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig
Kesediaan GPI	Lelaki	15	4.40	0.54	2.139	0.035
	Perempuan	70	4.07	0.53		
Motivasi GPI	Lelaki	15	4.09	0.60	0.700	0.486
	Perempuan	70	4.00	0.53		

### Perbezaan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 7 dan Jadual 8 menunjukkan dapatan daripada ujian Anova sehala bagi tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian berdasarkan pengalaman mengajar [ $F(4,80) = 5.534$ ,  $p=0.001$ ], di mana kesan saiz adalah besar ( $\eta^2 = 0.216$ ).

Hasil perbandingan dalam ujian *post-hoc Scheffe* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan guru Pendidikan Islam bagi pengalaman mengajar kurang 5 tahun ( $\text{min}=4.49$ , sisihan piawai=0.41) dengan kumpulan guru Pendidikan Islam bagi pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun ( $\text{min}=3.81$ , sisihan piawai=0.59) dan kumpulan guru Pendidikan Islam bagi pengalaman mengajar lebih 20 tahun ( $\text{min}=3.82$ , sisihan piawai=0.62). Skor min tahap kesediaan kumpulan guru Pendidikan Islam bagi pengalaman mengajar kurang 5 tahun adalah lebih tinggi berbanding kumpulan guru yang lain.

Jadual 7: Min pengalaman mengajar

Pengalaman mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Kurang 5 tahun	23	4.49	0.41
6 – 10 tahun	36	4.10	0.47
11 – 15 tahun	12	3.81	0.59
16 – 20 tahun	7	3.91	0.51
Lebih 20 tahun	7	3.82	0.62

Jadual 8 Ujian Anova sehal kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian berdasarkan pengalaman mengajar.

Kesediaan guru	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	5.274	4	1.319	5.534	0.001
Dalam kumpulan	19.061	80	0.238		
Jumlah	24.335	84			

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian merangkumi kesediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah luar bandar dan pedalaman daerah Semporna, Sabah ini berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengajar murid secara atas talian. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020) yang mendapati guru-guru bersedia melaksanakan pembelajaran dalam talian. Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Nurul Farhana Rerah dan Mohd Faisal Mohamed (2021) di mana mereka mendapati pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian adalah tinggi.

Namun begitu, hasil analisis mendapati tahap kesediaan pengetahuan guru lebih tinggi berbanding kesediaan kemahiran. Hal ini menunjukkan guru mengetahui tentang PdP atas talian namun kurang kemahiran dalam melaksanakannya. Perkara ini disokong oleh Mohd Faiz Mohd Baharan, Mohd Nor Mamat dan Zawawi Temyati (2021) di mana kajian mereka mendapati tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan FROG VLE adalah tinggi namun masih kekurangan dari segi kemahiran iaitu berada pada tahap sederhana. Pada pandangan pengkaji, perkara ini berlaku kerana guru lebih banyak memahami secara teori dan kurang mengaplikasikan teori tersebut dalam pengajaran mereka.

Selain itu, kajian mendapati guru Pendidikan Islam lelaki lebih bersedia terhadap PdP atas talian berbanding guru Pendidikan Islam perempuan. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021). Kajian mereka mendapati kesediaan guru lelaki lebih rendah daripada guru perempuan terhadap penggunaan *Google Classroom*. M Kaviza (2020) pula mendapati tidak terdapat perbezaan kesediaan antara jantina guru terhadap penggunaan *Google Classroom*.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan guru Pendidikan Islam yang kurang 5 tahun pengalaman mengajar dengan guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11-15 tahun dan lebih 20 tahun. Justifikasinya, guru Pendidikan Islam yang berpengalaman kurang 5 tahun lebih bersedia daripada kumpulan guru yang lain kerana mereka merupakan guru novis dan lebih banyak didedahkan tentang PdP atas talian melalui kursus dan bengkel.

Berbanding guru-guru yang berpengalaman 11-15 tahun dan lebih 20 tahun, kebanyakan mereka sudah terbiasa dengan kaedah pengajaran secara tradisional iaitu secara bersemuka dan lebih cenderung dengan pengetahuan sedia ada mereka. Pendapat ini disokong oleh Aminah Jekri dan Crispina Gregory K Han (2020). Menurut mereka, guru novis merupakan kumpulan guru yang kebanyakan sekolah lebih cenderung menghantar mereka menghadiri bengkel-bengkel berkaitan pendidikan berbanding guru lama atau veteran. Mereka juga merupakan kumpulan guru yang lebih mahir memanfaatkan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, dapatan menunjukkan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian adalah tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Tatiana Baranova, Aleksandra Kobicheva dan Elena Tokareva (2020) tetapi bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Rasmitadila et al. (2020). Rasmitadila et al. (2020) mendapati guru-guru tidak bersemangat dalam PdP atas talian kerana mereka lebih suka kepada pembelajaran secara bersemuka. Dalam kajian ini, guru-guru bermotivasi tinggi kerana mereka mendapat sokongan daripada pihak pentadbir dan rakan sekerja dalam melaksanakan PdP atas talian. Di samping itu, mereka sendiri juga berasa seronok dan bersemangat melaksanakan pembelajaran atas talian ini. Perkara ini bertepatan dengan Teori Motivasi Herzberg di mana faktor dalaman dan luaran memainkan peranan penting dalam menentukan motivasi seseorang individu.

Dapatan turut menunjukkan bahawa motivasi guru adalah sama antara guru lelaki dan guru perempuan. Hal ini menggambarkan bahawa jantina tidak berperanan dalam menentukan motivasi seseorang. Selagi mana guru tersebut seronok, bersemangat dan mendapat dorongan untuk melaksanakan PdP atas talian, maka motivasi mereka akan meningkat. Begitu juga sebaliknya.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah kategori luar bandar dan pedalaman di daerah Semporna bersedia dan bermotivasi melaksanakan PdP atas talian. Kesediaan dan motivasi seseorang guru penting dalam melaksanakan suatu pengajaran terutamanya PdP atas talian. Kesediaan dan motivasi yang tinggi dapat menyumbang kepada kejayaan pembelajaran murid.

Dapatan kajian yang diperoleh ini memberi beberapa implikasi kepada pihak-pihak berkaitan dengan sistem pendidikan. Pertama, kajian ini memberi implikasi kepada guru agar mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran terutamanya berkaitan dengan teknologi maklumat dari semasa ke semasa. Hal ini kerana PdP atas talian telah menjadi salah satu kaedah pembelajaran pada masa kini. Kedua, implikasi kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah agar meningkatkan lagi latihan berkaitan PdP atas talian kepada semua guru melalui bengkel atau kursus supaya pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru dalam PdP atas talian ini terus meningkat.

Seterusnya, dicadangkan agar kajian lanjutan mengenai tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap PdP atas talian di lokasi berbeza dapat dilaksanakan. Hal ini bertujuan supaya dapatan secara keseluruhan mengenai tahap kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam di Malaysia dapat diperoleh. Selain itu, dicadangkan agar kajian lanjutan mengenai pengaruh kesediaan dan motivasi guru Pendidikan Islam terhadap penglibatan murid

dalam PdP atas talian dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesediaan dan motivasi guru dapat mempengaruhi dan memberi kesan terhadap penglibatan murid.

## RUJUKAN

- Ainal Marhaton Abd Ghani. 2021. PdPR kurang efektif, pelajar tertekan. Utusan Malaysia, 29 April.
- Alamri, A & TylerWood. 2017. Factors affecting learners with disabilities instructor interaction in online learning. *Journal of Special Education Technology* 32(2): 59-69.
- Anon. 2020. Guru luar bandar, pedalaman berdepan cabaran PdPc dalam talian. *Sinar Harian*, 25 April.
- Anon. 2020. Lebih 2 juta sesi PdPR dilaksana dalam tempoh 17 hingga 30 November. *Sinar Harian*, 29 April.
- Azman Ab Rahman, Nurul Nadia Nozlan, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman & Muhammad Anwar Zakaria. 2020. Isu penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi pelajar orang kurang upaya (OKU) dan institusi pendidikan sewaktu Covid-19. *E-proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS) 2020*, hlm. 373-386
- Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd Faiz Abd Shakor & Afaf Sukari. 2021. Pandemik Covid-19: cabaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bagi pelajar orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and SpecialNeeds* 5(1): 127-138.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Edisi 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasrudy Tanjung. 2015. Pengaruh Disiplin Kerja dan Motivasi Kerja Terhadap Prestasi Kerja Pegawai pada Dinas Sosial dan Tenaga Kerja Kota Medan. *Jurnal Ilmiah Manajemen dan Bisnis* 15(1), 27-36.
- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman & Nor Asian Ismail. 2021. Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS guru Bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 8(1): 47-60.
- Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma. 2020. Teachers' elementary school online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan* 5(1): 58-70.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. 2021. Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam taliansepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 16-28.
- Irma Savitri Sadikin, Sri Lestari & Safi Aini. 2020. Pembelajaran daring interaktif, bermakna dan menarik sebagai upaya optimalisasi proses pembelajaran semasa pandemik Covid 19. *Jurnal Pengabdian Pada Masyarakat* 5(4): 897-905.
- Issham Ismail, Siti F Bokhare, Siti N Azizan & Nizuwan Azman. 2013. Teaching vis Mobile Phone: A Case Study on Malaysian Teachers' Technology Acceptance and Readiness. *Journal of Educators Online* 10(1): 1-38.

- Juwairiyah Mustapah & Roslinda Rosli. 2021. Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(4): 1-20.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah.
- Kementerian Sumber Manusia. 2020. Cabaran Pembelajaran Online – Cadangan Mengatasinya. Retrieve in 2020, 13 August from Kementerian Sumber Manusia Online: <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadanganmengatasinya/>.
- Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G. Yulip. 2020. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pejabat Pendidikan Daerah Ranau.
- Luqman Arif Abdul Karim. 2020, April 16. PKP: e-Pembelajaran tidak segerak sesuai di luar bandar, pedalaman. *Berita Harian Online*.
- M Kaviza. 2020. Kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan *Google Classroom*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(8): 133-139.
- M. Kaviza, Shahrudin Saad & Asiah Dahaman. 2021. Kesan pembelajaran abad ke-21 melalui aplikasi *Google Classroom* terhadap pencapaian penguasaan pengetahuan Sejarah. *Journal of ICT in Education* 8(1): 92-103.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 1(1): 1-13.
- Mohd Faiz Mohd Baharan, Mohd Nor Mamat & Zawawi Temyati. 2021. Interactive learning in Islamic Education using FROG VLE: readiness and proficiency of teachers. *Proceeding of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences. Universiti Teknologi Mara Kelantan. Machang, 22 Februari*.
- Nafisah Hamidon. 2021. Kajian kes: cabaran dan solusi pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 bagi pelajar menengah rendah. Kertas kerja *International Conference of Research on Language Education (I-Role): Engaging in Change: Empowering Linguistics, Literature & Language. Anjuran Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Alor Gajah, Melaka, 23-24 Mac*.
- Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin. 2021. *Google Classroom* sebagai pelantar pembelajaran: tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 278-292.
- Norashid Othman & Hamzah Md Omar. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5: 35-57.
- Norizan Abdul Razak, Hussein Alakrash dan Yasmin Sahboun. 2018. English Language teachers; readiness for the application of technology towards fourth industrial revolution demands. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik* 7(2-2) 89-98.
- Nur Afny Juati, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Jumadi Musa & Hujaimah@Siti Syafiqah Juhumin. 2020. Hubungan antara kepuasan kerja,

- kecerdasan emosi, motivasi dengan komitmen organisasi di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tambunan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 5(36): 70 – 93.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. 2018. Kesiapan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6(3): 22-31.
- Nurul Farhana Rerah & Mohd Faisal Mohamed. 2021. Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap kesiapan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Mod Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(10): 82-89.
- Putri Umairah & Zulfah. 2020. Peningkatan motivasi belajar menggunakan Google Classroom ditengah pandemi Covid-19 pada peserta didik kelas XI IPS 4 SMAN 1 Bangkinang Kota. *Journal on Education* 2(3): 275-285.
- Rasmitadila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmadtullah, Achmad Samsudin, Ernawan Syaodih, Muhammad Nurtanto & Anna Riana Suryanti Tambunan. 2020. The perceptions of primary school teachers of online learning during the Covid-19 pandemic period: a case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies* 7(2): 90-109.
- Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari. 2021. Perspektif hikmah pendidikan atas talian ketika wabak Covid-19. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5(1).
- Siti Aisyah Ibrahim. 2021. Pandemik Covid-19: cabaran dan impak dalam Pendidikan Islam dan pembelajaran murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 1(1): 89-94.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2020. Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui *Home Based Learning (HBL)* semasa tempoh pandemik COVID-19. *Journal of Malay Language, Education and Literatur II*(Edisi Khas): 46-57.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities* Special Issue 3: 100-110.
- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan. 2019. Tahap Kepengetahuan Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 6(1): 82-89.
- Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh. 2021. Cabaran PdPR Bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities* 5(2): 183-190.
- Tatiana Baranova, Aleksandra Kobicheva & Elena Tokareva. 2020. Total transition to online learning: students' and teachers' motivations and attitudes. *International Conference on Profesional Culture of the Specialist of the Future 2020. St. Petersburg, Russia, 26-27 November*.
- Trisna Andarwulan, Taufiq Akbar Al Fajri & Galieh Damayanti. 2021. Elementary teachers' readiness toward the online learning policy in the new normal era during Covid-19. *International Journal of Instruction* 14(3): 771-786.